

16/02/2003

Pemimpin Pas suka keluarkan fatwa keliru

PEKAN: Umno bimbang tindakan sesetengah pemimpin Pas yang sering mengeluarkan fatwa yang tidak diiktiraf menyebabkan umat Islam, khususnya orang Melayu berada dalam kekeliruan.

Naib Presidennya, Datuk Seri Najib Razak, berkata Pas cuba mengelirukan orang ramai kononnya mereka memperjuangkan dan mempertahankan agama, lebih berdakwah serta berakhlak tinggi, berbanding Umno.

Sehubungan itu, katanya, umat Islam perlu berhati-hati dengan tindak-tanduk Pas itu kerana ia bukan saja menyebabkan perpecahan orang Melayu, malah kesatuan Islam.

"Malah, mereka mudah melaknat orang lain dan dengan mudah mengeluarkan pelbagai fatwa yang tidak diiktiraf, semata-mata atas perbezaan politik.

"Kita khuatir akan wujud golongan Khawarij dalam masyarakat kita nanti yang sewenang-wenangnya menindas orang lain, kononnya mereka lebih Islamik," katanya pada majlis pemimpin mesra rakyat dan jamuan Aidiladha, di Taman Mentiga Jaya, di sini semalam.

Najib yang juga Ahli Parlimen Pekan, memberi contoh bagaimana golongan seperti itu mendabik dada bahawa mereka mengamalkan ajaran Islam, sedangkan menuduh sewenang-wenangnya orang lain membuat maksiat.

"Kita amat sedih apabila seorang itu menuduh Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) menonton video lucu dengan cucunya, sedangkan perkara itu tidak masuk akal.

"Ini tidak sepatutnya berlaku kalau kita berpegang kukuh kepada agama. Saya tidak tahu sama ada dia sempat minta maaf kepada Perdana Menteri atau tidak," katanya.

Beliau berkata, terbaru Pas menuduh Umno cuba menghapuskan nilai Islam dengan tindakan menutup sekolah agama rakyat (SAR) di seluruh negara.

Katanya, tuduhan Pas itu adalah satu pembohongan besar kerana tidak terlintas dalam pemikiran pemimpin Umno yang menerajui kerajaan untuk menafikan keperluan pendidikan untuk rakyatnya.

"Saya ingin jelaskan, saya juga dijemput oleh Dr Mahathir dan anggota lain untuk membincangkan masa depan sistem dan dasar pendidikan negara.

"Tapi, tak pernah terlintas dalam pemikiran Umno untuk menutup SAR disebabkan atas keperluan politik Umno.

"Malah, cita-cita kita mahu meningkatkan lagi tahap pendidikan anak-anak kita khususnya dalam aspek keagamaan," katanya.

Beliau berkata, kerajaan tidak mahu membuka sekolah agama dengan guru yang mengajar secara separuh masa, tidak terlatih dan sesetengahnya meracuni pemikiran pelajar.

Katanya, pendidikan peringkat rendah amat penting kepada kanak-kanak bagi memastikan mereka tidak mudah terpengaruh dengan gejala negatif.

"Apa akan jadi jika mereka ini yang setiap hari dipengaruhi perkara buruk sehingga mereka bertindak menjadi pengganas," katanya.

Beliau meminta masyarakat Melayu supaya memberi sokongan padu kepada kerajaan sekarang yang ternyata menjadi pemerintah yang lebih berjaya, berbanding pembangkang.

Katanya, pembangkang, khususnya Pas cuba menafikan kejayaan dan pembangunan yang dibawa kerajaan dan percaya ia hanya boleh dilakukan dengan cara mengalihkan tumpuan kepada aspek keagamaan.